

Promosi Hari Digital – Kami bantu mendigitalkan operasi perniagaan anda

Tempoh Promosi

Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [selepas itu secara individu dan secara kolektif disebut “Bank”] dan Snaptruck (**“Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital”**) secara bersama mempromosikan Penyelesaian Perniagaan Digital di bawah Perbankan SME sempena Hari Digital (**“Promosi”**) yang bermula dari 1 Julai 2020 hingga 31 Julai 2020 (termasuk kedua-dua tarikh) (**“Tempoh Promosi”**) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut.

Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan Bank bukan individu yang baharu dan sedia ada yang telah memenuhi kriteria seperti mana diperuntukkan dalam Fasal 4 di bawah (**“Peserta”**).
2. Status akaun semasa HLB dan/atau HLISB Peserta mesti kekal aktif dan berkedudukan baik sepanjang Tempoh Perkhidmatan Snaptruck. Bagi mengelakkan keraguan, Tempoh Perkhidmatan adalah bermaksud tempoh langganan apabila Peserta melanggan Perkhidmatan (seperti mana ditakrif dalam Fasal 5 di bawah) yang disediakan oleh Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital.
3. Peserta Layak yang menutup Akaun Semasa / Akaun Semasa-i atau Perbankan Internet Perniagaan HL mereka seperti mana ditakrif dan diperuntukkan dalam Fasal 4 di bawah dalam Tempoh Perkhidmatan tidak akan layak menikmati tawaran yang disediakan oleh Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital (**“Tawaran”**)
4. Untuk membolehkan Peserta Layak menikmati Tawaran, Peserta mestilah, semasa atau sebelum Tempoh Promosi, melakukan yang berikut:
 - a) Melanggan **Perbankan Internet Perniagaan HL**
 - b) Membuka **Akaun Semasa Bukan Individu HLB/Akaun Semasa-i Bukan Individu HLISB** (secara kolektif disebut “Akaun Semasa / Akaun Semasa-i” ; dan
 - c) Memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam ruangan Tawaran dalam jadual tertera di bawah

Perihal Promosi

Bagi tujuan Promosi ini, Bank dan penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital menawarkan yang berikut kepada Peserta:-

| Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital | Perihal Promosi | Tempoh Promosi |
|--|---|-------------------------|
| Snaptruck | SnapQart: <ol style="list-style-type: none"> a) Bagi Peserta baharu yang belum berdaftar dengan SnapQart, sebelum Tempoh Promosi tanpa mengira sama ada fi langganan telah dibayar atau tidak. b) Langganan percuma Snapqart untuk 30 Peserta pertama selama 6 bulan pertama dari tarikh pendaftaran. c) Langganan seperti mana tersebut tadi tidak boleh ditukar milik kepada akaun yang lain. | 1 Julai - 31 Julai 2020 |

| | | |
|--|--|--|
| | <p>SnapQcloud:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bagi Peserta baharu yang belum berdaftar dengan SnapQcloud /SnapQart, pada atau sebelum Tempoh Promosi, tanpa mengira sama ada fi langganan telah dibayar atau tidak. b) Fi Langganan Bulanan RM500 untuk 15 Peserta baharu yang pertama selama 6 bulan pertama bermula dari tarikh pendaftaran. c) Langganan seperti mana tersebut tadi tidak termasuk bilangan jam/caj tambahan yang dikenakan untuk latihan/ sokongan. d) Langganan seperti mana tersebut tadi tidak boleh ditukar milik kepada akaun yang lain. e) Promosi seperti mana tersebut tadi tertakluk kepada maksimum 500 hantaran/transaksi sebulan. | |
|--|--|--|

Pengecualian Hak

5. Bank tidak memberi representasi atau waranti berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital (“Perkhidmatan”) dan Bank tidaklah bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang ditanggung oleh Peserta Layak berbangkit daripada atau bersabit dengan sebarang kegagalan, gangguan perkhidmatan, ketidakupayaan atau kesalahan Perkhidmatan, termasuk sebarang kesilapan atau ketidaktepatan yang disebabkan oleh atau berbangkit daripada penggunaan Perkhidmatan oleh Peserta Layak. Sebarang pertikaian, tuntutan dan/atau waranti mengenai Perkhidmatan hendaklah diselesaikan antara Peserta Layak dengan pihak penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital berkenaan, tanpa bantuan Bank.
6. Apabila Perkhidmatan mula digunakan, terma & syarat yang ditetapkan oleh Penyedia Perkhidmatan Penyelesaian Perniagaan Digital akan dikenakan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk terma & syarat Penyedia Perkhidmatan Penyelesaian Perniagaan Digital berkenaan seperti mana diperuntukkan di bawah.

| | |
|--|---|
| Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital | Laman Web |
| Snaptruck | https://snaptruck.com/partner/hlb |

7. Tawaran yang diperuntukkan dalam Fasal 4 di atas tidak boleh ditukar untuk wang muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
8. Walau apa pun yang diperuntukkan di dalam ini, Tawaran akan dihentikan jika status Akaun Semasa / Akaun Semasa-i Peserta Layak menjadi dormant, dikunci, disekat, digantung dan tak aktif sepanjang Tempoh Promosi atau jika Peserta menamatkan Perkhidmatan semasa Tempoh Perkhidmatan
9. Pada penghujung Tempoh Promosi, Peserta bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaharui Perkhidmatan secara terus dengan Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital, jika Peserta Layak

ingin menyambung Perkhidmatan dan Peserta Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar segala fi dan caj yang dikenakan oleh Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital bagi Perkhidmatan

Terma dan Syarat Am

10. Dengan menyertai Promosi ini, Peserta bersetuju:
 - a) mereka telah membaca dan memahami Terma & Syarat di dalam ini dan bersetuju mematuhi Terma & Syarat Promosi ini, terma & syarat yang dikenakan oleh Penyedia Penyelesaian Perniagaan Digital dan Terma & Syarat lain yang berkaitan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa
 - b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi ini termasuk **hak menikmati Tawaran** adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Peserta dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayani;
 - c) semua transaksi seperti mana dirakam oleh Bank adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Peserta; dan
11. Bank berhak:
 - a) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada) perubahan amaun **Tawaran-tawaran**, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini atas budi bicaranya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank di www.hlb.com.my dan/atau <http://www.hlisb.com.my> atau dengan apa-apa cara lain yang Bank anggap sesuai, untuk memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta mengenai penambahan, pengguguran atau pemindaan Terma & Syarat tersebut atau penggantungan atau penamatan Promosi ini;
 - b) melucutkan kelayakan mana-mana Peserta daripada menyertai Promosi ini dan/atau daripada menerima **Tawaran-tawaran** dan/atau mendapat kembali **Tawaran-tawaran** yang diberi, jika:
 - i. mana-mana Akaun Semasa / Akaun Semasa-i Peserta ditutup oleh Peserta dan/atau Bank atas apa jua sebab sekalipun;
 - ii. status Perbankan Internet Perniagaan HL Peserta telah menjadi dorman, dikunci, disekat, digantung atau tak aktif sepanjang Tempoh Promosi
 - iii. Peserta telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan undang-undang (termasuk perjudian) berkaitan dengan mana-mana Akaun Semasa / Akaun Semasa-i Peserta dan/atau apa-apa perkhidmatan dan/atau kemudahan lain termasuk Perbankan Internet Perniagaan HL seperti mana ditakrif dalam Laman Web Bank;
 - iv. Peserta telah diisytiharkan bankrap atau bubar (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kebangkrapan atau pembubaran pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi ;
 - v. Tawaran-tawaran dikreditkan atau disyaratkan kepada sebuah syarikat yang tidak layak menyertai Promosi ini selaras dengan Terma & Syarat di dalam ini; dan/atau
 - vi. jika mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam ini telah tidak dipatuhi;
12. Terma & Syarat di dalam ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat Perbankan Internet Perniagaan HL ("Terma Perbankan Internet Perniagaan").
13. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau bersabit dengan Promosi ini maka Terma & Syarat dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
14. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia
15. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa Bukan Individu HLB / Akaun Semasa-i Bukan Individu HLISB layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM